

23 MAY 1999

Mahathir-Perpaduan (Analisis Berita)
PERPADUAN, KUNCI BAGI KEJAYAAN BERTERUSAN

Oleh: Zulkefli Salleh

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Bersikap sederhana dan kekalkan perpaduan -- itulah mesej utama yang disampaikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada rakyat semasa mengadakan sesi pertemuan dengan rakyat dalam lawatannya ke negeri-negeri.

Selepas sembuh daripada infeksi paru-paru yang menyerangnya sekembalinya dari menunaikan haji, Perdana Menteri tidak henti-henti menyentuh tentang pentingnya mengekalkan kesederhanaan dan perpaduan apabila berucap kepada rakyat di Selangor, Sabah dan yang baru di Johor.

Biarpun perkara itu mungkin isu yang sudah lama dan kurang menarik tetapi beribu-ribu orang keluar beramai-ramai untuk mendengar ucapan beliau secara berterus-terang mengenai perkara itu.

Dr Mahathir menyentuh isu lama di tengah-tengah perubahan budaya terutama di kalangan generasi muda yang kurang menghargai tentang pentingnya perpaduan tetapi sebaliknya menggunakan demonstrasi jalanan dan keganasan bagi memenuhi perjuangan politik mereka.

Pada majlis jamuan di Johor Baharu Khamis lepas sempena lawatannya ke Johor, Dr Mahathir menekankan bahawa perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum berterusan kesederhanaan merupakan formula penting bagi kejayaan negara.

Menurut Perdana Menteri, formula itu yang digunakan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) sejak Merdeka telah memainkan peranan penting bagi kejayaan Malaysia.

Dr Mahathir berkata negara tidak dapat menikmati kemajuan ekonomi tanpa kestabilan sosial dan politik yang mungkin tidak dapat wujud jika kerana kerana sikap kesederhanaan oleh semua kaum.

"Kesederhanaan adalah faktor yang amat penting bagi negara capai kemajuan dan oleh itu peliharalah kesederhaan," kata beliau.

Semasa lawatan ke Selangor pada minggu sebelumnya, Dr Mahathir memberitahu persidangan media bahawa percubaan oleh parti-parti pembangkang untuk menggantikan formula BN dengan pendekatan politik lain boleh menjejaskan perpaduan.

Mengenai percubaan DAP untuk menghidupkan kembali slogan "Malaysian Malaysia", Dr Mahathir berkata ia tidak akan diterima oleh orang Melayu dan boleh menimbulkan masalah kaum.

Dr Mahathir mengingatkan rakyat tentang bahaya percubaan parti-parti pembangkang berterusan melayu untuk menggantikan budfaya kesederhana dan toleransi di kalangan generasi muda Melayu dengan budaya membenci.

Perdana Menteri mendedahkan bahawa golongan ini telah mentafsirkan Al-Quran untuk memenuhi pendekatan politik mereka yang cenderung kepada "kebencian dan maki hamun" untuk menarik sokongan rakyat.

Semasa melawat Johor pula, Dr Mahathir juga mengambil kesempatan untuk mengingatkan ramyat tentang kesan buruk akibat mengadakan rusuhan jalanan.

Menurut beliau, Malaysia telah menikmati kestabilan politik sejak 1957 kerana rakyat tahu bagaimana untuk mengamalkan demokrasi dan menggunakan sistem itu untuk kebaikan sendiri.

"Ada sesetengah negara yang sistem demokrasinya lebih membawa keburukan daripada kebaikan kerana apabila ada pihak yang menang pilihan raya, pihak lain akan mengadakan demonstrasi dan mogok," kata beliau.

Malaysia dijangka mengadakan pilihan raya umum selewat-lewatnya Jun tahun depan dan menurut para penganalisis, pilihan raya kali ini dijangka yang paling sengit.

Malaysia telah berjaya menangani kegawatan ekonomi dengan pertumbuhan ekonomi tahun ini dijangka mencatatkan satu peratus.

Cabaran terbesar seterusnya yang dihadapi oleh negara ialah mengekalkan perpaduan di tengah-tengah senario politik masa kini.

-- BERNAMA

ZKS FAZ